

25/02/2001

Malaysia yakin D8 capai matlamat

reports on "Persidangan D-8" by Mahfar Ali
KAHERAH: Malaysia yakin kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) dapat mencapai cita-citanya untuk menjadi satu pakatan perdagangan dan ekonomi yang berkesan.

Keyakinan itu disuarakan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, sebagai reaksi awalnya terhadap pelbagai perkara yang dikemukakan pada majlis pembukaan mesyuarat sesi ke-5 peringkat menteri D8 di sini, semalam.

"Kita nampak pada majlis pembukaan ini ada kesungguhan untuk mencapai sesuatu dan perkara yang dikemukakan lebih fokus.

"Justeru, saya nampak ada harapan untuk mencapai cita-cita menjadikan D8 sebagai satu kumpulan berkesan yang tertumpu pada soal perdagangan dan ekonomi," katanya kepada wartawan Malaysia selepas majlis pembukaan itu.

Majlis itu juga pertama kali dihadiri wakil Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) - badan yang akan membiayai pelbagai projek D8.

Selain itu, forum pertama yang disertai semua dewan perniagaan dan perdagangan negara D8, kecuali Malaysia, turut diadakan sempena sidang kemuncak kali ini.

Syed Hamid mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat peringkat menteri manakala sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan D8 hari ini, dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Syed Hamid berkata, format sidang kali ini amat menarik kerana di samping menjemput IDP, OIC juga diminta menyampaikan ucapan dan menyatakan sokongan terhadap penubuhan D8.

Menurut beliau, Nigeria juga pertama kali diwakili pemimpin tertingginya.

Selain menteri luarnya, Presiden Nigeria turut mengesahkan menghadiri sidang kemuncak D8 hari ini.

Kumpulan itu yang ditubuhkan di Istanbul, Turki kira-kira empat tahun lalu bagi mengukuhkan kerjasama ekonomi dan perdagangan, dianggotai Malaysia, Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Mesir, Iran, Turki dan Nigeria. Semua lapan negara berkenaan juga menganggotai OIC.

Berikutan itu, penubuhannya sebelum ini dikatakan kurang disenangi beberapa anggota OIC lain kerana bimbang berlaku pertindihan dengan OIC yang mempunyai 56 anggota.

Bagaimanapun, Penolong Setiausaha Agung OIC, Sayed Kassem El Masri, dalam ucapannya mewakili pertubuhan berkenaan pada majlis pembukaan itu, berkata penubuhan D8 juga menguntungkan anggota OIC lain.

"Sebarang peningkatan perdagangan di kalangan negara D8 juga akan menyumbang dan memanfaatkan anggota OIC secara keseluruhannya," katanya sambil memberi jaminan OIC akan memberi sokongan terhadap semua projek dan program yang dipelopori D8.

Sayed Kassem berkata, OIC sendiri kini memberi komitmen untuk membangunkan ekonomi anggotanya bagi menghadapi cabaran baru pada era globalisasi.

"Justeru, penubuhan D8 juga selari dengan perjuangan OIC untuk meningkatkan pembangunan ummah," katanya.

Pada sesi pembukaan semalam, enam negara D8 turut menandatangani memorandum perjanjian memudahkan pengeluaran visa untuk ahli perniagaan dalam usaha meningkatkan kerjasama perdagangan dalam kumpulan itu.

Bagaimanapun, Malaysia dan Nigeria tidak menandatangani perjanjian itu

kerana masih memerlukan masa untuk mengkajinya.

Syed Hamid berkata, memorandum itu memberi ruang kepada negara yang belum menandatangani meneliti kandungan perjanjian berkenaan sebelum membuat keputusan.

"Pada masa ini, kita belum mendapat mandat, tetapi kita akan kaji balik beberapa peruntukan perjanjian itu dan kalau kerajaan setuju kita akan menandatangani," katanya.

Sementara itu, Abdullah yang tiba di sini pagi semalam, mengadakan pertemuan dengan kira-kira 1,000 pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Al-Azhar. Syed Hamid dan Duta Malaysia ke Mesir, Datuk Abu Bakar Daud, turut hadir.

Kira-kira 1,220 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Mesir pada sesi pengajian 2000/2001.

Ketika di sini, Abdullah juga dijangka mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa ketua kerajaan D8 termasuk Presiden Mesir, Hosni Mubarak. Pertemuan itu dijadual diadakan sebelum Abdullah berlepas pulang ke tanah air Isnin ini.

Hari ini, Timbalan Perdana Menteri menemui Presiden Indonesia, Abdul Rahman Wahid atau Gus Dur. Indonesia dijangka menjadi tuan rumah sidang kemuncak D8 keempat pada 2003.

Sidang kemuncak pertama diadakan di Turki, Istanbul pada 1997 dan kedua di Dhaka, Bangladesh pada 1999. Kedua-dua sidang kemuncak itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)